

**HUBUNGAN AMALAN KEPEMIMPINAN  
INSTRUKSIONAL PENGETUA  
DENGAN KOMITMEN KERJA GURU SEKOLAH  
MENENGAH DAERAH PENAMPANG**

**MAZLAN BIN MINHAT**

*PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH*

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
SOSIAL**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2012**



## ABSTRAK

### HUBUNGAN AMALAN KEPEMIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DENGAN KOMITMEN KERJA GURU SEKOLAH MENENGAH DAERAH PENAMPANG

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif kuantitatif untuk mengkaji amalan kepemimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan tahap komitmen kerja guru. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk: (i) mengenal pasti tahap amalan kepemimpinan instruksional dalam kalangan pengetua di sekolah-sekolah menengah di daerah Penampang; (ii) mengenal pasti tahap komitmen kerja guru di sekolah-sekolah menengah di daerah Penampang; dan (iii) mengenal pasti tahap hubungan antara amalan kepemimpinan instruksional pengetua dengan komitmen kerja guru-guru di sekolah-sekolah menengah di daerah Penampang. Kajian ini melibatkan populasi guru seramai 594 orang dari enam buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Penampang, Sabah. Sebanyak 250 orang dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik yang berasaskan kepada ciri-ciri kepemimpinan instruksional Model Hallinger dan Murphy (1987). Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS 19.0. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai demografi responden manakala statistik inferensi untuk menguji hipotesis kajian menggunakan Korelasi Pearson-r. Dapatan kajian menunjukkan hubungan antara amalan kepemimpinan instruksional pengetua dan komitmen kerja guru-guru adalah rendah dan lebih menekankan kepada dimensi menggalakkan peningkatan profesionalisma guru sahaja.